

## 553 terima insentif IPR bernilai RM1.65 juta

August 12, 2017 | OLEH ERMIZI MUHAMAD



BATU CAVES, 12 OGOS : Seramai 553 penerima Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) menerima bantuan agihan kewangan RM1.65 juta melibatkan usahasama 43 agensi di peringkat Kerajaan Negeri.

Bantuan disampaikan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di Padang Kampung Baru, Batu Caves Gombak di sini, pagi ini.

Mohamed Azmin berkata, inisiatif berkenaan dilaksanakan sebagai komitmen memastikan masyarakat memerlukan terus dibantu di bawah program berkebijakan negeri.

“Sehingga Disember 2016, sejumlah RM1.9 bilion hasil kekayaan negeri diagihkan kepada 5.9 juta rakyat Selangor hasil daripada kejayaan program ini dengan 1.3 juta purata pengguna turut menikmati manfaat daripada program ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Karnival Inisiatif Peduli Rakyat menerusi usahasama **Kumpulan Perangsang** dan Yayasan Hijrah Selangor.



Antara inisiatif IPR termasuklah Dasar Kad Peduli Sihat, Skim Air Percuma, Bas Selangorku, Wifi Percuma, Rumah Mampu Milik Selangorku, Skim Mesra Usia Emas dan Skim Hijrah Selangor.

Dalam perkembangan sama, Mohamed Azmin turut menyempurnakan penyerahan bantuan kepada 150 penerima skim mikrokredit Hijrah Selangor dan 48 peserta program Zero to Hero melibatkan bantuan kewangan RM1.38 juta.

Sementara itu, RM190,000 turut disampaikan kepada 130 penerima fasa pertama dan kedua di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan penyampaian RM32,000 kepada 64 penerima Insentif Perkahwinan Belia.

Selain itu, Mohamed Azmin turut menyerahkan bantuan kepada 25 penerima Skim Peduli Sihat bernilai RM25,000 11 tadika di bawah program Skim Bantuan Tadika Selangor TUNAS sebanyak RM17,960 dan 100 penerima Selangor Food Stamp bernilai RM5,000.

<https://selangorkini.my/2017/08/553-terima-insentif-ipr-bernilai-rm1-65-juta/>